

## SIARAN MEDIA

### **BIMB HOLDINGS BERHAD UMUM PBZT KUMPULAN RM612.2 JUTA BAGI SETENGAH TAHUN 2021**

#### SOROTAN UTAMA

- Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai ("PBZT") Kumpulan meningkat 6.6% ke RM612.2 juta.
- Pulangan Ekuiti Bersih ("ROE") tahunan sebanyak 11.6%.
- PBZT Bank Islam meningkat 22.1% ke RM475.0 juta.
- Pembiayaan Bersih tahun-ke-tahun ("Y-o-Y") berkembang 6.2%.
- PBZT Takaful Malaysia berjumlah RM210.2 juta.

---

**Kuala Lumpur, Isnin, 30 Ogos 2021:** PBZT Kumpulan BIMB Holdings Berhad ("BHB") meningkat 6.6%, kepada RM612.2 juta bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2021 ("1H21"). Keuntungan bersih juga meningkat sebanyak 6.8% ke RM387.1 juta.

Kumpulan BHB mencatatkan Pulangan Ekuiti ("ROE") tahunan yang sihat sebanyak 11.6% dan aset bersih sesaham berada pada RM3.69 setakat 30 Jun 2021.

#### **Tinjauan Keseluruhan Kumpulan**

COVID-19 terus menjejaskan ekonomi pada separuh pertama tahun 2021. Dengan mempercepatkan program vaksinasi dan pengumuman pelbagai pakej rangsangan, Kerajaan optimistik namun kekal waspada untuk pemulihan ekonomi menjelang akhir tahun 2021.

Untuk memberikan kelonggaran sementara aliran tunai kepada peminjam, Kerajaan telah mengumumkan beberapa program bantuan pembayaran (yang melibatkan penangguhan dan pengurangan ansuran), ditawarkan secara pilihan ("opt-in"). Kebanyakan penganalisis berpandangan bahawa impak modifikasi kerugian ke atas institusi perbankan tahun ini dijangka lebih rendah daripada yang dialami pada tahun lalu. Walaupun berhadapan banyak perintah kawalan pergerakan, kualiti aset kekal kukuh, unjuran pertumbuhan pembiayaan berada sekitar 3%-4%, dipacu oleh sektor isi rumah manakala sistem perbankan kekal bermodal kukuh.

Mengulas mengenai prestasi kewangan ini, Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif BHB berkata, "Ketika dunia memerangi pandemik, Kumpulan terus menumpukan perhatiannya untuk menerapkan prinsip-prinsip Syariah, Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") dan pertimbangan persekitaran, sosial dan tadbir urus yang baik ("ESG") untuk kekal berdaya tahan dan mempromosikan rangkuman kewangan untuk semua. Bank Islam terus membantu komuniti dengan memberikan impak positif kepada kehidupan dan kelangsungan hidup serta memenuhi keperluan mereka. Kami telah menawarkan program Bantuan Pembayaran kepada pelanggan untuk membantu mereka menguruskan aliran tunai dengan lebih baik dalam tempoh mencabar ini. Kami juga telah menaikkan program pembiayaan mikro iTEKAD dan BangKIT mampu milik yang semakin berkembang, serta turut menawarkan penyelesaian inovatif lain untuk menjana

lebih impak lebih signifikan kepada kumpulan sasar kurang berkemampuan dan tidak mendapat khidmat perbankan melalui cabang kewangan sosial kami.”

Bermula di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, program iTEKAD yang kini diperluas ke Perlis dan Selangor, telah memberi manfaat kepada 98 pelanggan dengan jumlah pembiayaan hampir RM1.8 juta setakat 31 Julai 2021. Manakala bagi Pembiayaan Mikro BangKIT pula, Bank telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM1.01 juta kepada 95 pelanggan sejak pelancarannya pada 25 November 2020.

Dalam usaha membantu masyarakat, Bank Islam juga telah menggandakan inisiatif tanggungjawab korporatnya melalui AMAL. Di samping itu, Sadaqa House Bank Islam terus memainkan peranannya dalam menguruskan dana sumbangan orang ramai dan memberikan sokongan yang diperlukan untuk segmen sasaran melalui kerjasama strategik dengan agensi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (“NGO”).

Selaras dengan pencapaian kewangan yang positif, pada akhir Jun 2021, Bank Islam telah mengeluarkan dan menyalurkan sumbangan hampir RM4.0 juta kepada lebih daripada 11,000 individu dan organisasi melalui pelbagai inisiatif, termasuk pengagihan dana Sadaqa House kepada penerima di bawah empat sektor fokus, iaitu pendidikan, kesihatan, pemerkasaan masyarakat dan alam sekitar.

Mohd Muazzam Mohamed menambah, “Bank Islam turut meningkatkan sokongan terhadap segmen perusahaan kecil dan sederhana (“PKS”) melalui kerjasama dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan (“GLC”) dan syarikat besar lain melalui program pembiayaan dan pembangunan vendor. Pada bulan Jun 2021, kami telah bekerjasama dengan Halal Development Corporation Berhad (“HDC”) untuk menawarkan Pembiayaan PKS GO Halal (“Go Halal Fund”) dengan peruntukan awal sebanyak RM100 juta. Kemudahan ini akan membantu PKS dengan lebih teratur dan berstruktur, justeru meningkatkan pembangunan kapasiti.”

Bagi membuka jalan pelaburan yang berpatutan untuk pelanggan runcit, anak syarikat milik penuh Bank Islam, BIMB Investment Management Berhad (“BIMB Investment”) telah melancarkan aplikasi *Robo-Intelligence Investing Shariah Sustainability* pertama di dunia yang dikenali sebagai “BEST Invest”. Ia memperkenalkan dimensi pelaburan baharu ke dalam industri pengurusan dana di Malaysia.

Pada bulan Mac 2021, BIMB Investment telah memperkenalkan Dana Makmur MyWakaf (“MWF”). Dana baharu ini ditawarkan kepada pelabur yang ingin menyalurkan sebahagian daripada pulangan pelaburan mereka untuk tujuan wakaf kepada komuniti kurang berkemampuan di Malaysia. BIMB Investment adalah syarikat pengurusan dana pertama yang menyusun dan merancang dana unit amanah wakaf di bawah Rangka Kerja Dana Bercirikan Wakaf Suruhanjaya Sekuriti yang diperkenalkan pada 12 November 2020. Dana ini juga merupakan dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (“SRI”) di bawah Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab.

Menghampiri fasa akhir langkah penstrukturan semula Kumpulan, Bank berhasrat untuk membuka nilai untuk semua apabila muncul sebagai satu-satunya institusi kewangan Islam tulen yang tersenarai di Malaysia.

Takaful Malaysia akan meneruskan inisiatif strategiknya untuk mengukuhkan daya tahan perniagaan dan menyesuaikan model operasinya dalam menguruskan perniagaan di pasaran yang amat berbeza serta landskap pengoperasian yang dinamik. Takaful Malaysia kekal berwaspada dan berhati-hati dalam menguruskan kos operasi, pertumbuhan perniagaan, dan portfolio risikonya.

Sebagai pendahulu dan pelaksana awal pengedaran dalam talian dan teknologi digital baharu yang menyokong saluran-saluran pengagihan, Takaful Malaysia mampu mengurangkan beberapa cabaran jualan dan operasi yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Keupayaan digital dan teknologinya telah membolehkan syarikat mengekalkan perkhidmatan perniagaan yang lancar kepada semua pengantara jualan, rakan bank dan pelanggan. Jelas, ia mempunyai rangkaian produk takaful mampu milik dalam talian yang mudah diakses pelanggan, khususnya semasa penularan wabak COVID-19. Takaful Malaysia telah meningkatkan kewujudan di media sosial untuk membuat jualan silang produk-produk dalam talian, dengan menyasarkan golongan yang tidak mempunyai akses terhadap pengantara bagi jualan secara bersemuka.

Takaful Malaysia akan terus melaksanakan strategi-strategi inovatifnya menerusi penyelesaian digital dan dalam talian dan penyediaan ekosistem digital bagi meluaskan lagi keupayaan pengedaran, membentuk kerjasama strategik dengan bank-bank Islam terkemuka serta inisiatif-inisiatif kesedaran jenama Takaful Malaysia. Ini akan membolehkan Takaful Malaysia mengekalkan kedudukan peneraju pasaran di samping menyokong pertumbuhan perniagaan dan tumpuan pelanggan.

### **Perbankan Islam**

Kumpulan Bank Islam ("Bank Islam" atau "Bank") mencatatkan PBZT sebanyak RM475.0 juta pada 1H21, naik 22.1% berbanding tempoh sama pada tahun 2020. Peningkatan tersebut disebabkan terutamanya oleh ketiadaan kerugian modifikasi yang signifikan terhadap moratorium automatik yang diberikan kepada pelanggan selama tempoh tersebut. Manakala dalam tempoh sama pada 2020, Bank telah menanggung kerugian sebanyak RM97.8 juta bagi kerugian modifikasi untuk moratorium automatik yang diluluskan pada April 2020.

Jumlah aset Bank berada pada RM73.6 bilion setakat 30 Jun 2021, peningkatan Y-o-Y sebanyak RM5.0 bilion daripada RM68.6 bilion yang dilaporkan hingga 30 Jun 2020, sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain sebanyak RM3.2 bilion dan peningkatan wang tunai dan dana jangka pendek sebanyak RM1.0 bilion.

Setakat akhir Jun 2021, deposit pelanggan dan akaun pelaburan berada pada RM61.9 bilion, dengan kenaikan Y-o-Y sebanyak RM3.3 bilion atau 5.8%. Jumlah komposisi akaun semasa dan simpanan dan akaun pelaburan transaksional ("CASATIA") berada pada aras sihat 38.6% daripada jumlah deposit pelanggan dan akaun pelaburan.

Jumlah pembiayaan terjejas kasar setakat 30 Jun 2021 adalah sebanyak RM407.2 juta, berbanding RM371.5 juta pada 30 Jun 2020. Dengan pembiayaan terjejas kasar kekal pada 0.72%, Bank mengekalkan pengurusan risiko berhemah sambil memelihara daya tahan walaupun berdepan cabaran yang berpanjangan dengan mengekalkan tarikan ke atas kedudukan kewangan yang kukuh.

## **Takaful**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad ("Takaful Malaysia") mencatat PBZT sebanyak RM210.2 juta bagi 1H21, lebih rendah berbanding RM211.8 juta yang dicapai pada 1H20.

Pendapatan operasi bagi 1H21 sebanyak RM1,616.7 juta, 13.1% lebih tinggi berbanding RM1,428.8 juta yang dicatatkan pada 1H20. Pertumbuhan ini disebabkan terutamanya oleh penjualan lebih tinggi untuk perniagaan Takaful Keluarga dan Am.

Perniagaan Takaful Keluarga menjana sumbangan perolehan kasar sebanyak RM924.9 juta bagi 1H21, lebih tinggi berbanding RM772.1 juta pada tempoh sama tahun lalu, disebabkan jualan lebih tinggi daripada produk berkaitan kredit. Selain itu, perniagaan Takaful Am juga merekodkan sumbangan perolehan kasar lebih tinggi sebanyak RM415.2 juta pada 1H21, di mana pertumbuhan ini disumbangkan oleh kelas motor.

Untuk maklumat lanjut berkenaan BHB, sila layari [www.bimbholdings.com](http://www.bimbholdings.com)

---

### **Mengenai BIMB Holdings Berhad**

BIMB Holdings Berhad ("BHB") adalah Syarikat Pemegangan Kewangan Islam yang pertama yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. BHB diperbadankan di Malaysia pada 20 Mac 1997, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 16 September tahun yang sama. Anak-anak syarikat utama Kumpulan BHB merupakan pelopor dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam termasuk perbankan, takaful, dagangan saham, dan lain-lain perkhidmatan berkaitan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad dan BIMB Securities Sdn. Bhd.

---

Diterbitkan oleh: Komunikasi Korporat Kumpulan, BIMB Holdings Berhad

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi:

#### **Rohazida Mohamed**

Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
BIMB Holdings Berhad & Bank Islam Malaysia Berhad  
Level 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel bimbit: 012-231 8602  
Faks: 03-2781 2998  
Emel: [rohazidam@bankislam.com.my](mailto:rohazidam@bankislam.com.my)  
Web: [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com)

#### **Omar Atin**

Pengurus Kanan, Perhubungan Awam,  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
BIMB Holdings Berhad & Bank Islam Malaysia Berhad  
Level 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2781 2943  
Tel bimbit: 019-391 9144  
Faks: 03-2781 2998  
Emel: [omar@bimbholdings.com](mailto:omar@bimbholdings.com)  
Web: [www.bimbholdings.com](http://www.bimbholdings.com)